

# Sampah cemar Taman Bukit Rimau

## Penduduk berang pihak tak bertanggungjawab buang bahan binaan di jalan masuk tangki air

Oleh Hamid Karim

bhnews@bharian.com.my

**SHAH ALAM:** Tindakan pihak tidak bertanggungjawab melonggokkan sisa binaan di jalan masuk ke tapak tangki air untuk bekalan di sekitar Taman Bukit Rimau, berdekatan sebuah sekolah menengah di sini, sejak beberapa bulan lalu mengundang kemarahan penduduk.

Penduduk mendakwa, selain menutup laluan bagi petugas penyelenggaraan tangki air milik sebuah syarikat swasta itu, longgokkan sisa binaan terbabit turut menyebabkan persekitaran kediaman mereka dicemari bau busuk.

Tinjauan *Sentral* mendapati, selain sisa binaan, pihak lain yang tidak bertanggungjawab turut melonggokkan sampah domestik di kawasan itu sehingga mencacatkan pemandangan.

Pengawal keselamatan sekolah swasta, Razali Tanaim, 54, mendakwa perbuatan itu dilakukan pihak tidak bertanggungjawab sejak lebih tujuh bulan lalu.

Beliau turut mengaku pernah menegur perbuatan yang dilakukan oleh seorang pemandu lori kerana membuang sampah di situ tetapi tegurannya tidak diterima sebaliknya diherdik dengan kata-kata kesat.

“Saya cuma bertanya dia datang dari mana tetapi lelaki yang pemandu lori itu memaki hamun saya dengan kata-kata kesat. Malah, dia mengugut saya supaya tidak mengambil tahu hal berkenaan. Sejak

itu saya bimbang menegur walaupun dua tiga kali pernah melihat ada pihak membuang sampah di kawasan itu,” katanya.

Razali juga mendakwa, ada penghuni perumahan berdekatan yang dilihat membuang sampah domestik selepas kawasan berkenaan ditimbuni sisa binaan.

“Perbuatan mereka memang tidak bertanggungjawab sebab ia dibuang berdekatan tangga untuk memasuki tapak tangki air. Pihak berkuasa sepatutnya mengenakan saman bagi mendidik mereka agar tidak mengulangi perbuatan ini,” katanya.

Sementara itu, seorang pemilik rumah yang terletak kira-kira 70 meter dari timbunan sampah itu yang hanya mahu dikenali Ng, kesal kerana timbunan sisa binaan dan sampah domestik itu berada terlalu



*Selain menutup pintu masuk ke tapak tangki air, sisa binaan yang dibuang itu juga menutup jalan tar di belakang deretan rumah di kawasan berkenaan. Saya percaya sisa binaan itu milik kontraktor yang melakukan kerja pengubahsuaian di kawasan kediaman tidak jauh dari sini* ☺☺

**Ng**

Penduduk



SISA binaan dibuang sesuka hati di kawasan perumahan Taman Bukit Rimau, Shah Alam.

dekat di kawasan itu sehingga mencacatkan pemandangan.

Katanya, beliau pernah melihat ada orang membuang sampah dengan menggunakan lori tiga tan

di kawasan itu pada waktu senja.

“Selain menutup pintu masuk ke tapak tangki air, sisa binaan yang dibuang itu juga menutup jalan tar di belakang deretan rumah di kawa-

san berkenaan. Saya percaya sisa binaan itu milik kontraktor yang melakukan kerja pengubahsuaian di kawasan kediaman tidak jauh dari sini,” katanya.

©HAMID KARIM | BERITA HARIAN